



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN BELURAN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

14 September 2018.

**Kenyataan Media YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen berhubung Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion.**

- 1) Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Penggal ke 14 mengadakan prosiding pertamanya membabitkan isu Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion pada hari Rabu dan Khamis, 12 September dan 13 September 2018.
- 2) Pemilihan isu itu dipersetujui sebulat suara semua 13 ahli PAC memandangkan ia membabitkan kepentingan rakyat dan negara selepas perkara berkenaan dibangkitkan Menteri Kewangan, YB Lim Guan Eng dalam sidang Dewan Rakyat awal Ogos lalu, selaras dengan Perkara 77 (1)(d) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
- 3) Pada prosiding hari Rabu, 12 September 2018, PAC Parlimen memanggil Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan Ketua Pengarahnya, Datuk Seri T Subromaniam hadir bagi memberi penjelasan di hadapan PAC Parlimen.
- 4) Manakala, pada hari Khamis, 13 September 2018 pula, Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah bersama Datuk Siti Zauyah Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan hadir di hadapan PAC Parlimen bagi memberi penjelasan mengenai isu yang sama.
- 5) PAC Parlimen akan meneruskan prosiding berhubung isu Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion pada 25 September 2018, hari Selasa, dengan memanggil Mantan Menteri Kewangan II, Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah serta Datuk Seri Johari Abdul Ghani bagi memberi keterangan di hadapan PAC Parlimen.
- 6) Selain itu, PAC Parlimen juga akan memanggil beberapa saksi lain bagi memberikan penjelasan berhubung isu ini, dalam memastikan siasatan yang dijalankan benar-benar menyeluruh.
- 7) Sehubungan itu, PAC Parlimen tidak menetapkan sebarang garis masa (deadline) bagi merumuskan siasatan ini sebelum membentangkan laporannya ke Dewan Rakyat.
- 8) Ingin ditegaskan juga bahawa selain 13 Ahli PAC yang dilantik daripada kalangan Ahli-Ahli Parlimen Kerajaan dan pembangkang, PAC Parlimen juga dianggotai wakil-wakil tetap (ex-officio) kementerian dan jabatan seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi.

- 9) Justeru, rumusan serta cadangan Laporan PAC Parlimen berhubung isu ini, sudah pasti mendapat input serta pandangan daripada ex-officio PAC Parlimen dalam memastikan laporan ini benar-benar komprehensif, telus serta menyeluruh sebelum ia dibentangkan di Dewan Rakyat dan menjadi dokumen awam.

Sekian terima kasih.

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee  
Pengerusi PAC Parlimen.